

PERKAITAN AKULTURASI BUDAYA DAN HUBUNGAN ANTARA AGAMA:KAJIAN TERHADAP KOMUNITI CINA PRA KONVERSI DI NEGERI TERENGGANU

(The Relevancy Acculturation Culture and Inter Religion Relationship: A Study on
Chinese Community Pre Conversion in Terengganu)

¹ AZARUDIN AWANG

² KHADIJAH MOHD KHAMBALI @ HAMBALI

¹ Akademi Kotemporari Pengajian Islam, UiTM Terengganu 23000, Sura Hujung,
Dungun, Terengganu

² Jabatan Akidah & Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,
50603, Kuala Lumpur

ABSTRAK

Akulturası merupakan satu proses penerimaan unsur kebudayaan dalam kalangan individu atau kelompok dari sesuatu kebudayaan lain yang berbeza. Satu kelompok manusia dengan kebudayaan tertentu dihadapkan dengan unsur dari suatu kebudayaan asing yang berbeza sehingga unsur kebudayaan asing itu akhirnya diterima dan diolah dalam kebudayaan sendiri. Perihal ini boleh ditemui dalam kehidupan masyarakat minoriti Cina di negeri Terengganu. Proses akulturası yang mengambil masa yang lama mencerminkan bahawa hubungan masyarakat minoriti Cina dan majoriti Melayu telah terjalin dengan utuh. Ini menjadikan kelompok Cina di negeri Terengganu agak berbeza dengan masyarakat Cina di negeri lain. Proses akulturası mendedahkan masyarakat Cina terhadap norma-norma kehidupan masyarakat Melayu yang mengandungi unsur keagamaan Islam. Kajian deskriptif ini bertujuan melihat penerimaan masyarakat Cina terhadap penglibatan kalangan ahli keluarga pra konversi terhadap budaya masyarakat Melayu. Metodologi yang digunakan bagi mengukur kajian ini ialah melalui kaedah kualitatif dengan temu bual ke atas 10 orang masyarakat Cina Terengganu yang telah memeluk Islam. Pengalaman hidup mereka sebelum Islam yang melibatkan hubungan antara agama dengan masyarakat setempat. Bagi mengukuhkan kajian yang dilakukan, temu bual

*Corresponding author: Azarudin Bin Awang, Akademi Kotemporari Pengajian Islam, UiTM Terengganu
23000, Sura Hujung, Dungun, Terengganu, mel-e: azaru154@tganu.uitm.edu.my*

Diserahkan: 11 Jun 2013

Diterima: 3 Ogos 2015

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2016-0801-06>

ke atas empat orang pemimpin agama dan pengerusi badan NGO saudara baru turut dilakukan. Dapatan menunjukkan bahawa wujud tiga trend hubungan agama tanpa disengajakan masyarakat Cina pra konversi dalam memahami agama Islam iaitu menghindarkan diri daripada melibatkan aktiviti, penglibatan secara berhati-hati dan hubungan yang tidak ambil peduli. Mengambil kira pentingnya hubungan antara agama dalam kalangan masyarakat awam, budaya toleransi perlu disuburkan dalam kehidupan. Sekiranya manusia gagal menghormati norma dan nilai budaya, bagaimana masyarakat berbilang agama merasai kehidupan yang rukun dan aman damai.

Kata kunci: Akulturasi; budaya; agama; cina; pra konversi

ABSTRACT

Acculturation is a process of acceptance in cultural element among individuals or groups from other different culture. A group of people with a particular culture confronted with foreign elements from a different culture until it was finally accepted and adapted in their own culture. This description can be found in the life of Chinese minorities in Terengganu state. Acculturation process that takes a long time reflecting the relationship of Chinese minority and Malay community has strongly established. This makes the Chinese group in Terengganu is quite different from Chinese communities in the other state. Acculturation process exposed the Chinese to the Malay society norms that having religious elements. This descriptive study aims to look the acceptance among Chinese community's regarding involvement of their family members in Malay culture and religious. The methodology used for this study is qualitative by interviewing 10 Chinese individual who converted to Islam. Their life experiences before Islam which displays the interfaith relationship with the local Muslim community. To strengthen the research done, the interview on 4 religious leader and chairman of Muslim New Converts (NGO) also performed. The findings show that there are three trend develop instinctively among Chinese inadvertently pre-conversion in understanding the Islamic religion which are abstain from engaging in activities, involvement with cautious and indifferent relationship. Seeing the importance of inter-religious relations in civil society, cultural and religious tolerance should be nourished in life. Thus, if people fail to respect the norms and cultural values, The multi-religious society will difficult to feel peace and harmony life together .

Keywords: *Acculturation; culture; religion; chinese; pre conversion*

PENGENALAN

Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (2010) bagi penduduk negeri Terengganu menyatakan bahawa jumlah komuniti Cina di negeri ini ialah seramai 27,900 orang atau berjumlah 2.4% daripada jumlah keseluruhan. Walaupun mewakili jumlah dan

peratus yang kecil namun masyarakat Cina merupakan kelompok etnik yang kedua terbesar di negeri Terengganu. Kebanyakan masyarakat Cina di negeri Terengganu tinggal di bandar utama seperti Kuala Terengganu, Chukai dan Kuala Dungun.

Sejarah awal ketibaan masyarakat Cina ke negeri Terengganu adalah berkait secara langsung dalam kegiatan perdagangan. Cheong Meng Ngai (1991) menjelaskan bahawa Kuil Sam Poh Kong yang dibina sempena lawatan laksamana Cheng Ho pada abad ke 14 M di Jeram (terletak 16 km dari Kuala Terengganu) membuktikan masyarakat Cina telah menetap di negeri Terengganu lebih 600 tahun dahulu. Ini disokong oleh tulisan-tulisan Robert Hunter, T. J. Newbold, M. Medhurst, Hugh Clifford yang menyatakan bahawa masyarakat Cina telah tinggal di sekitar Kuala Terengganu dan terlibat dalam perniagaan. Menjelang abad ke 18 didapati telah wujud penempatan masyarakat Cina yang terbina kukuh di negeri Terengganu. Kedudukan Kuala Terengganu berhampiran dengan Laut Cina Selatan menjadikannya ia muncul sebagai pusat tumpuan perdagangan dan perniagaan dari negara China (Muhammad Yusoff 1991).

Menyingkap kembali sejarah kedatangan masyarakat Cina ke negeri ini, kelompok Hokkien merupakan kelompok Cina yang paling awal tiba dan mereka tinggal di perkampungan masyarakat Melayu. yang nyatanya, mereka merupakan kelompok Cina yang terbesar digelar sebagai Cina peranakan atau Baba Terengganu manakala dalam bahasa Hokkien masyarakat ini disebut sebagai *Teng Lang* (Tan Chee Beng 2002). Hasilnya, percampuran dengan masyarakat tempatan menyebabkan berlaku akulturasi yang boleh dilihat jelas dalam percakapan harian khususnya penggunaan dialek Terengganu. Sungguhpun masyarakat Cina dapat menerima unsur-unsur kebudayaan Melayu dengan baik, namun budaya dan kepercayaan asal masih diamalkan dengan utuh. Menurut Cheong Meng Ngai (1991), masyarakat Cina yang berhijrah selepas 1900 ke Terengganu dikenali sebagai penduduk Cina Jati yang kebanyakannya terdiri dari kelompok Kantonis dan Hainan. Kelompok ini tinggal di bandar Terengganu dan mengalami proses akulturasi budaya tidak begitu ketara.

Secara umumnya persoalan tentang akulturasi dalam masyarakat Cina telah banyak diperkatakan. Antaranya Tan Chee Beng (2002) membicarakan pembinaan budaya dalam kalangan Cina Peranakan adalah hasil perubahan yang berlaku dalam budaya, Hou (2002) menyatakan budaya komuniti Cina berubah mengikut norma interaksi antara etnik, manakala menyatakan komuniti Cina Peranakan ialah kelompok yang berasimilasi budaya Melayu atau separa berasimilasi (Khoo 2010). Mohammed Yusoff (1993) menyatakan bahawa akulturasi Cina peranakan meliputi aspek bahasa, makanan, pakaian dan boleh dilihat dengan ketara dalam norma kehidupan harian. Mereka juga digelar sebagai cina kampung dan mengamalkan budaya yang sama dengan masyarakat Melayu. Akibat akulturasi itu, peranakan Cina di Malaysia dianggap 'separuh Cina separuh Melayu' dan telah membentuk komuniti hibrid yang berkembang secara tersendiri (Tan Yao Sua 2011). Dalam konteks negeri Terengganu,

selain dikenali Cina peranakan atau Cina Baba, etnik ini juga dikenali sebagai 'Cina Melayu'. Mohd Sufri (2012) menyatakan sebagaimana berikut:

...etnik Cina Terengganu tidak ramai, Cina Terengganu kalau awak biasa pergi ke Kampung Tirok, Kampung Serada, Kampung Kemas disebut sebagai Cina Melayu. Walaupun tidak memeluk Islam, masyarakat ini mengikuti budaya Melayu walaupun berpegang dengan agama Buddha...

Akibat penghijrahan komuniti Cina ke negeri ini, terutama sekali pada zaman sebelum kedatangan British, masyarakat Cina tidak lagi tinggal serumpun tetapi telah menjadi sebahagian daripada komuniti yang berbilang kaum dan agama. Unsur-unsur akulturasi masyarakat majoriti dimanifestasikan dalam kehidupan kerana faktor interaksi sosial yang lama. Ini ditonjolkan dalam aspek pergaulan seharian, pengalaman tinggal bersama (misalnya di kampung) dan perkongsian aktiviti sosial (Tan Yao Sua 2011). Menurut Tan Chee Beng (1993) dalam sejarah masyarakat Cina di negeri Terengganu, sering kali berlaku pertemuan di antara dua budaya yang berbeza. Proses pertemuan yang dilakukan bagi tujuan mencari nafkah hidup pada asalnya menyebabkan berlakunya proses pinjam meminjam. Atas sifat dinamikinya, unsur pinjaman digunakan secara langsung atau diubah suai sehingga menjadi sebahagian daripada struktur kehidupan mereka.

SISTEM KEAGAMAAN MASYARAKAT CINA TERENGGANU

Persatuan Buddha Terengganu, Persatuan Buddhist Vihara dan Persatuan Nichiren Buddhisme memainkan peranan utama dalam mempromosikan masyarakat Cina yang beragama Buddha agar taat kepada ajaran dan sahsiah. Walaupun ritual yang dijalankan oleh persatuan-persatuan ini berbeza, namun setiap persatuan mempunyai matlamat yang sama dalam pengajaran agama Buddha. Selain berpegang kepada mazhab Mahayana, pengaruh mazhab Theravada dalam sistem keagamaan Buddha di negeri Terengganu cukup kuat (Wong Choon Kheng 2013).

Kewujudan kuil-kuil lama Taoisme di negeri Terengganu seperti tokong Sam Poh Kong di Jeram, Hulu Nerus, Tokong Yong An Konglot dan Rumah Berhala Thai Tze di Kampung Batu Lima, Dungun, Tokong Teck Choon Ong di Kampung Tirok, Serada menunjukkan ajaran ini telah lama mendapat perhatian masyarakat Cina. Justeru, Cheong Meng Ngai (1991) menyatakan bahawa bilangan tokong-tokong Taoisme di negeri Terengganu lebih banyak dan lebih tua daripada tokong Buddha. Wong Choon Kheng (2013) menjelaskan sebagaimana berikut:

Most of Chinese in Terengganu are Taoisme whether they know or don't know. Because the concept of hormat orang tua so they start with ancestor worship kita letak memorial tablet untuk orang mati dalam

rumah dia ada elemen Taoisme la. Percaya penjaga atau dewa-dewa itu adalah unsur Taoisme la.

Dalam konteks ajaran Confucius, Yunus (2001) menyatakan bahawa masyarakat Cina sangat memberi perhatian kepada ajaran ini dalam aspek pekerjaan dan pendidikan. Sementara itu, ajaran yang berkaitan tentang ketenteraman hidup dan kekayaan sebagaimana yang diamalkan dalam kehidupan masyarakat Cina Terengganu merujuk kepada pengajaran Confucius yang menjalinkan unsur-unsur kepercayaan dengan amalan semasa. Pengajaran Confucius bukan sahaja merangkumi unsur falsafah bahkan etika sebagaimana dimanifestasikan dalam bidang pendidikan. Menurut Yunus (2001) lagi, Sekolah Kebangsaan Chung Hwai Wei Seng di Kuala Terengganu memberi penekanan ajaran Confucius dalam kehidupan seperti berkasih sayang, hubungan yang baik antara anak dengan ibu bapa, adik dengan abang dan rakan taulan.

Perayaan Ching Ming merupakan suatu bentuk ritual memperingati nenek moyang dan saudara mara yang meninggal dunia. Kebiasaannya juga, satu ruang khusus untuk melaksanakan upacara penyembahan nenek moyang yang telah meninggal diletakkan dalam rumah. Selain daripada itu juga masyarakat Cina Terengganu juga menyembah 'Datuk' iaitu penyembahan roh-roh orang Melayu yang beriman. Masyarakat Cina percaya bahawa upacara sembahyang kepada roh-roh orang Melayu yang beriman, mesti dilakukan kerana mereka tinggal negeri orang Melayu. Dari segi prinsipnya sebuah rumah kecil berwarna merah didirikan dan dipersiapkan dengan makanan untuk dilakukan pemujaan. Cheong Meng Ngai (1991) menyatakan bahawa, masyarakat Cina di negeri Terengganu banyak menubuhkan persatuan-persatuan yang berteraskan kematian bagi menguruskan segala perihal yang berkaitan. Berdasarkan kenyataan di atas, dapat dijelaskan bahawa masyarakat Cina di negeri Terengganu mewarisi sistem kepercayaan yang dibawa dari Tanah besar China. Sistem keagamaan Cina ini terdiri daripada Mahayana Buddhisme, Taoisme, Confucianisme dan penyembahan kepada semangat diolah mengikut suasana persekitaran.

Selain itu, menurut laporan bancian penduduk Malaysia (2000) bilangan masyarakat Kristian di negeri Terengganu seramai 2641 orang. Jumlah ini merupakan 0.3% daripada jumlah penganut Kristian di Malaysia. Masyarakat Kristian di negeri Terengganu terdiri daripada keturunan masyarakat Kristian yang telah lama tinggal di negeri ini, golongan migrasi yang kebanyakan mengalami kesukaran dalam kehidupan yang memerlukan kebajikan dan sebahagian kecil masyarakat Cina asal negeri ini melakukan penukaran agama. Stephen (2013) menyatakan bahawa sehingga 2013 masyarakat Kristian di Kuala Terengganu adalah kebanyakannya dari bangsa Cina berjumlah lebih dari 800 orang. Mubaligh-mubaligh Kristian yang kebanyakannya terdiri dari kalangan masyarakat Cina sendiri mendirikan *Parish* (rumah ibadah Kristian) di bandar-bandar bagi mendekatkan masyarakat Cina kepada Kristian.

Dalam masa yang sama, masyarakat Cina yang melakukan pemeluk agama Islam. Berdasarkan data yang diperolehi dari Pejabat Agama Negeri Terengganu (2012), seramai 2043 orang telah memeluk agama Islam di negeri ini pada tempoh 1990 hingga 2011. Jumlah 523 orang daripadanya adalah terdiri daripada masyarakat Cina yang kebanyakannya datang dari daerah Kuala Terengganu. Abd Halim (2012) menyatakan bahawa masyarakat Cina merupakan kelompok yang terbesar yang memeluk Islam di negeri Terengganu. Saudara baru Cina ini terdiri daripada masyarakat tempatan dan masyarakat Cina yang berhijrah dari negeri-negeri lain dan menetap di Terengganu. Pemeluk Islam dalam kalangan masyarakat Cina dari luar Terengganu mempunyai pertalian rapat melalui perkahwinan dengan masyarakat Muslim tempatan. Selain daripada itu, wujud kalangan mereka memeluk agama Islam kerana faktor pergaulan.

AKULTURASI BUDAYA MASYARAKAT CINA

Tan Chee Beng (1993) menyatakan bahawa wujud masyarakat Cina Peranakan Terengganu mempunyai budaya yang tidak sepenuhnya diamalkan oleh masyarakat Cina Jati. Kelompok ini tinggal di perkampungan Melayu dan berkongsi budaya dengan masyarakat Melayu. Beliau menjelaskan bahawa *'they have number of a Malay Cultural features and they speak Kelantan or Terengganu Malay among themselves'*. Bertitik tolak daripada kenyataan Tan Chee Beng dan Abdul Halim, boleh dikatakan bahawa perkembangan budaya masyarakat Cina di negeri Terengganu dilatari oleh tiga kelompok iaitu Cina peranakan, masyarakat Cina Jati dan golongan Cina yang berhijrah ke negeri Terengganu. Justeru, wujud ciri-ciri yang tertentu yang membezakan masyarakat Cina di negeri Terengganu dengan masyarakat Cina di negeri lain di Malaysia. Perbezaan yang ketara dalam kehidupan 3 kelompok masyarakat Cina di negeri Terengganu ialah dari aspek budaya hidup harian.

Sebagai kelompok terawal tiba di negeri Terengganu, masyarakat Cina Peranakan banyak berkongsi budaya dengan masyarakat Melayu. Unsur budaya dalam pembentukan identiti masyarakat Cina Peranakan meliputi aspek pakaian, dandan rambut, makanan dan cara penyediaan, agama, adat dan bahasa (Lee Yok Fee 2009). Umpamanya, komuniti ini membina keperibadian dan keluhuran yang tersendiri dengan menggunakan dialek Melayu Baba dalam pertuturan, menyajikan masakan yang disesuaikan dengan rempah ratus Melayu seperti kari ayam kapitan, ayam buah keluak, ayam goreng inci kabin dan pindang bandeng mengenakan pakaian tradisi Melayu, iaitu terdiri daripada baju kebaya (baju panjang dan batik sarung) dan kerongsang (Joo Ee Khoo 1996). Mengambil kira pengalaman masyarakat Cina di negeri Terengganu yang tiba sebelum ketibaan kolonial Barat, pembentukan masyarakat majmuk yang melatari budayanya adalah sesuatu yang bersifat semula jadi dan sukarela. Menurut Tan Yao Sua (2011), masyarakat Cina Peranakan merupakan satu kelompok yang berakulturasi dengan budaya tempatan dengan mengekalkan agama asal. Justeru, berdasarkan penjelasan di atas konsep akulturasi atau perkongsian budaya dalam masyarakat peranakan Cina di negeri

Terengganu bukan bersifat pemaksaan. Perkongsian budaya ini boleh diperhatikan dalam kehidupan seharian yang pelbagai yakni dalam aspek pakaian, makanan, tempat tinggal dan bahasa (Tan Yao Sua 2011).

Shamsul (2011) menjelaskan bahawa masyarakat Cina Peranakan pada mulanya berdepan dengan kebudayaan asing sehingga unsur-unsur tersebut lambat laun diterima dan diolah ke dalam kebudayaan sendiri tanpa menyebabkan hilangnya keperibadian kebudayaan asal. Walaupun wujud ciri-ciri umum kelompok Cina Peranakan di Malaysia, namun begitu, Tan Chee Beng (1993) membezakan masyarakat Cina Peranakan Terengganu dengan masyarakat Baba Melaka (Masyarakat Peranakan Cina Melaka). Golongan Baba merupakan kelompok Cina yang telah berakulturasi dengan budaya Melayu di negeri-negeri Selat. Dalam masa yang sama kelompok ini tidak menganggap diri mereka sebahagian dari kelompok Cina. Sedangkan kelompok Peranakan Cina di negeri Terengganu masih menganggap diri mereka daripada sub etnik kecil Cina. Mengambil contoh Cina Peranakan di Kampung Tirok, masyarakat Cina yang tinggal di perkampungan Melayu di negeri Terengganu masih menganggap diri mereka sebagai kelompok Hokkien kerana masih boleh bertutur bahasa Cina loghat Hokkien (Tan Yao Sua 2011). Justeru, masyarakat Cina Peranakan atau Cina Kampung di negeri Terengganu merupakan masyarakat yang mempunyai dua identiti iaitu mengamalkan warisan kehidupan asal dari negara China dan dalam masa yang sama mengikuti norma-norma hidup masyarakat Melayu setempat. Bagi melihat aspek-aspek perkongsian budaya masyarakat tempatan, dapatan kajian dari 10 orang saudara baru Cina telah dilakukan bagi melihat sejauh mana pengaruh budaya Melayu dan perkaitannya dalam hubungan agama.

JADUAL 1 Latar Belakang Responden

Bil	Kod Responden	Jantina	Etnik	Tarikh Temu bual	Masa	Tempat
1.	Resp # 01 2012	Perempuan	Hokkien	9 April 2012	9.00 pagi	Kg Hiliran (rumah responden)
2.	Resp # 03 2012	Lelaki	Hokkien	5 Julai 2012	6.00 petang	Kg Seberang Takir (rumah mertua responden)
3.	Resp # 06 2012	Lelaki	Hokkien	14 November 2012	12.30 tengahari	Pangsapuri Permint Harmoni, Jalan Cherung Lanjut, Kuala Terengganu (rumah responden)
4	Resp # 07	Perempuan	Hokkien	19 November 2012	10.55 pagi	Kompleks Darul Hidayah

5	Resp # 08	Perempuan	Hokkien	19 November 2012	10.30 pagi	Kompleks Darul Hidayah
6	Resp # 09	Perempuan	Kantonis	21 November 2012	11.00 pagi	Kompleks Darul Hidayah
7	Resp # 12	Perempuan	Hokkien	22 November 2012	11.00 pagi	Pejabat Darul Fitrah
8	Resp # 13	Perempuan	Hakka	25 November 2012	10.30 pagi	Kompleks Darul Hidayah
9	Resp # 17	Lelaki	Hokkien	6 Disember 2012.	10.50 pagi	Pejabat Darul Fitrah
10	Resp # 19	Lelaki	Hakka (Asal Kuala Lumpur)	15 Disember 2012	8.30 pagi	Kompleks Darul Hidayah

Sumber : Temu bual

Berdasarkan kepada jadual di atas, responden terdiri daripada 6 orang perempuan dan 4 orang lelaki yang terdiri daripada suku Hokkien, Hakka dan Kantonis. Justeru ia mewakili etnik Cina Peranakan (Hokkien), Cina Jati (Kantonis & Hakka) dan masyarakat Cina yang bermigrasi ke Terengganu. Dapatan temu bual menjelaskan sebagaimana berikut:

Makanan tak *dok* masalah.. dulu [mak masak cara Melayu *sokmo*].. sebab *dok kapung* Melayu... kadang Nurul [makan nasi dengan budu] je selera *doh*. Tak *yoh* (tidak perlu) lauk lain. Dulu ... [ayah pernah buat budu sendiri], pastu dia bagi-bagi kat kawan-kawan Melayu dia (Resp # 01 2012).

Aktiviti saya boleh *join* sebab saya biasa bercampur gaul dengan orang Melayu, kita orang Cina Peranakan [makan pun macam orang Melayu guna tangan] ..kadang-kadang pakai sudu, chopstick ni jarang sangat (Resp # 06 2012).

Cara hidup *tuu* boleh ikut lama *doh ahh*.. lepas masuk Islam *tuu* kemudian *tuu bolehla*..[makan nasi pun dengan tangan] (Resp # 03 2012).

Dari segi makanan kebanyakan [masakan *stail* Melayu] sebab mak kita Hokkien kampung (Resp # 08 2012).

[Mak saya memang pakai kain jugok (kain batik)], ia pun berkawan dengan orang Melayu jugak tapi masa remaja saya *dok* dengan nenek ...nenek saya pun pakai kain macam orang kampung (Resp # 07 2012).

Berdasarkan senario petikan responden, dapat dinyatakan bahawa kebanyakan masyarakat Cina yang tinggal di perkampungan Melayu mudah menyerap budaya Melayu, pembauran budaya atau akulturasi berlaku. Akulturasi yang dikesan adalah meliputi aspek bahasa iaitu bertutur menggunakan *loghat* Terengganu yang pekat manakala akulturasi dalam masakan pula iaitu menyediakan hidangan berasaskan menu kebiasaan masyarakat Melayu dan termasuk juga penyediaan makanan yang popular dalam masyarakat tempatan seperti budu, nasi minyak dan nasi dagang.

Satu lagi ciri keistimewaan yang ada komuniti Cina yang tinggal di kampung ini ialah keselesaan makan menggunakan tangan. Selain itu, akulturasi dalam aspek pemakaian merangkumi cara kebiasaan orang Melayu seperti memakai kain batik sarung. Hal ini dibuktikan dengan kenyataan Tan Yao Sua (2011) yang menyatakan bahawa akulturasi masyarakat Cina yang tinggal di perkampungan Melayu di negeri Terengganu meliputi aspek bahasa, seni bina rumah, pakaian, masakan dan cara makan. Justeru, pemakaian kain sarung dan kain lepas; penyediaan makanan seperti masakan asam pedas, budu, pucuk paku, tempoyak merupakan kelaziman ditemui dalam budaya hidup masyarakat Cina Peranakan Terengganu. Biarpun begitu, berdasarkan dapatan kajian di atas didapati wujud dalam kalangan 'bukan Cina Peranakan' yang berakulturasi dengan budaya tempatan. Ini dibuktikan dengan kata-kata Resp # 13 2012 yang merupakan suku Hakka fasih menggunakan bahasa Melayu *loghat* Terengganu. Beliau menjelaskan sebagaimana berikut:

Saya [*dok kawang* dengan budak Cina] sebab dia cakap Mandarin dan [saya *dok* pandai cakap Mandarin sebab saya sekolah Melayu] (Resp # 13 2012).

Semasa sesi temu bual dijalankan, penulis mendapati penggunaan dialek tegar Terengganu seperti perkataan *brodong* (berkawan), *peseng* (perangai), *lepor* (lontar), *tak mboh* (tidak mahu) dan *dok leh* (tidak boleh) dalam kalangan responden. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat Cina di negeri Terengganu telah melalui proses akulturasi bahasa Melayu Terengganu dengan baik. Berkait dengan ini, Lee Yok Fee (2009) menyatakan bahawa bahasa merupakan faktor terpenting dalam memanasikan identiti masyarakat. Justeru, perbezaan agama dilihat bukan menjadi penghalang bagi masyarakat Cina yang tinggal di kampung bertutur dalam dialek Terengganu. Malah menurut Tan Yao Sua (2011), masyarakat Cina Kampung tidak berasa janggal menggunakan dialek Melayu Terengganu sesama mereka. Malah

keakraban hubungan ini juga boleh dilihat daripada kenyataan Mohd Sufri (2012) sebagaimana berikut :

“...Cina Terengganu banyak mana sangat, Cina Terengganu kalau awak biasa pergi ke kampung Tirok, Serada dan Mak Kemas, Cina tersebut dipanggil Cina Melayu. Walaupun tidak memeluk Islam, masyarakat tersebut mengamalkan budaya Melayu, walaupun beragama Buddha. Ramai di antara mereka berpindah ke bandar Kuala Terengganu dan berkahwin dengan Cina Bandar, yang masuk Islam pun ramai, selebihnya masih mengamalkan cara hidup Melayu, mengamalkan kepercayaan perbomohan Melayu...”

Justeru, akulturasi budaya Melayu berkembang ke kawasan bandar seiring dengan penghijrahan masyarakat Cina Peranakan ke bandar Terengganu. Namun begitu migrasi dan perkahwinan dengan masyarakat Cina Jati mendedahkan masyarakat Cina Peranakan terhadap budaya hidup asal yang sebenar. Mengambil kira penghijrahan dan perkahwinan *inter* etnik Cina, masyarakat Cina Bandar (Cina Jati) turut menerima tempias budaya yang diamalkan oleh komuniti Cina Peranakan. Sehubungan dengan itu, Tan Yao Sua (2011) berpendapat sebagaimana berikut :

“We can say that there is Terengganu Hokkien identity just like there is a Penang Hokkien identity in Penang. Both the Peranakan type and the non Peranakan type Hokkien have merged into a new local Chinese Malaysian Identity”.

Pendek kata, unsur-unsur peminjaman budaya Melayu dalam kalangan masyarakat Cina membolehkan mereka menyesuaikan dengan masyarakat setempat dengan mudah. Namun begitu pengaruh budaya Melayu yang menebal boleh dilihat dalam kehidupan masyarakat Cina yang tinggal di perkampungan Melayu. Dalam hal ini, Tantri (2012) membahagikan akulturasi budaya kepada dua iaitu akulturasi damai *penetration pasifique* dan akulturasi ekstrem *penetration violante*. Akulturasi damai terjadinya apabila unsur-unsur budaya asing diterima tanpa paksaan dan tidak menyebabkan konflik. Manakala akulturasi yang ekstrem ialah unsur-unsur kebudayaan asing dari pihak yang menang dipaksakan untuk diterima di tengah-tengah masyarakat yang dikalahkan yang akhirnya menimbulkan ketidakseimbangan dalam masyarakat.

Dapatan seterusnya menyoroti bentuk akulturasi yang berbentuk paksaan, ini dijelaskan sebagaimana berikut:

Saya [ada masalah makan masakan Melayu]...saya tak suka manis, saya mahu makan saya masak sendiri, saya *tau* masak...anak-anak ikut isteri (Resp # 19 2012).

Dia orang *dok leh* terima, [kita nak pakai skirt *seme* (semua) ia dok bagi,] suruh pakai kain, kita ni panas.. kita ni *dok* pandai pakai kain *sapai* sekarang pun *dok* pandai pakai kain (Resp # 07 2012).

[Masa raya, kita masak cara kitalah]... dia kata *mu* masak apa *ni* air saja... kita rasa hati *ahh* sedangkan kita tak tau makan santan. Jadi dia orang tak makan, jadi kita masak sendiri *ah* (Resp # 09 2012).

Bentuk yang kedua ini banyak ditemui dalam kehidupan masyarakat Cina Jati dan masyarakat Cina yang berpindah ke Terengganu. Walaupun responden yang merupakan komuniti Cina Jati dan melalui proses akulturasi bahasa Melayu dengan baik, namun tidak semua aspek kehidupan masyarakat Melayu boleh diterima dengan sukarela. Didapati responden Cina yang berasal dari luar Terengganu pula lebih selesa mengikuti budaya asal. Justeru, penerimaan secara terpaksa budaya masyarakat lain menimbulkan perasaan syak dan konflik dalaman dengan masyarakat tempatan. Ini adalah kerana masyarakat Cina di Malaysia merupakan realiti sosial yang dinamik. Namun, kadang kala realiti sosial ini berubah kerana faktor keadaan, interaksi etnik dan perkembangan politik semasa (Lee Yok Fee 2011). Sehubungan itu, didapati dalam kalangan masyarakat Cina di negeri Terengganu memerlukan tempoh masa yang tertentu bagi memahami dan menyesuaikan budaya hidup masyarakat Melayu. Menurut Mujibu (2012), kadang kala berlaku akulturasi sebagai pemangkin tetapi ianya hanya berlaku di peringkat permukaan dan bersifat keraian (*ceremonial*), misalnya pinjam-meminjam unsur budaya dan kelakuan kelompok lain seperti makanan dan pakaian. Walaupun masyarakat Cina di bandar turut terkesan dengan budaya Melayu tetapi akulturasi yang berlaku tidak sekuat masyarakat Cina yang tinggal di perkampungan Melayu. Ini adalah kerana masyarakat Cina yang tinggal di bandar terdedah kepada pembauran pelbagai ragam budaya etnik Cina yang lain (Tan Yao Sua 2011). Sekiranya unsur budaya itu tidak diolah dengan baik, pastinya keadaan ini akan memberi kesan yang buruk kepada masyarakat (Shamsul 2011).

Hubungan antara agama yang berlaku pada tahap ini menunjukkan bahawa masyarakat Cina tidak banyak mempersoalkan tentang kebenaran kepercayaan yang sedang mereka anuti. Begitu juga, tidak wujudnya dorongan badaniah atau rohaniah untuk mencari sesuatu yang baru dan segala rutin kehidupan berjalan secara normal. Justeru, menurut Nor A'thirah (2007), pada peringkat sebelum mengenal agama orang lain, saudara baru lazimnya berada dalam situasi tenang dalam beragama. Berdasarkan kepada kenyataan di atas, dapat dijelaskan bahawa masyarakat Cina Terengganu melalui tempoh yang panjang untuk melalui akulturasi budaya dengan masyarakat Melayu. Kesan daripada proses ini menyebabkan lahir satu kelompok yang mengamalkan dua identiti iaitu masyarakat Cina yang tinggal di bandar (Cina Jati) yang mengamalkan norma adat resam yang diwarisi dan dalam masa yang sama menerima akulturasi budaya Melayu dalam aspek yang tertentu. Manakala kelompok Cina yang tinggal di perkampungan Melayu lebih mendominasi budaya hidup masyarakat tempatan dalam pelbagai aspek kehidupan. Namun begitu, kedua-

dua kelompok ini mengalami proses akulturasi pada situasi yang berbeza. Kelompok ketiga pula ialah masyarakat Cina yang melakukan migrasi dari luar Terengganu didapati agak sukar untuk menerima akulturasi budaya masyarakat Melayu kerana proses ini memerlukan tempoh dan masa yang agak panjang.

TREND HUBUNGAN ANTARA AGAMA

Dalam konteks hubungan masyarakat Cina dan Melayu di negeri Terengganu, hubungan antara agama yang berbentuk perkongsian budaya ini merupakan hubungan yang paling awal. Hubungan ini berlaku secara spontan dan secara suka rela. Dalam kalangan sarjana seperti Rahimin Affandi, T.M Sulaiman dan Azizan Baharuddin menjelaskan bahawa aktiviti yang dikenali sebagai ‘dialog kehidupan’ amat terserlah dalam kehidupan masyarakat yang berbeza budaya dan agama. Dalam kata lain aktiviti ini memaparkan perkongsian nilai secara bersama (Khadijah & Suraya 2010). Nilai terbentuk dalam diri manusia melalui proses sosialisasi yang kuat terpengaruh oleh lingkungan budaya kerana adanya hubungan kekeluargaan, persahabatan atau perkongsian aktiviti. Bagi Mansor et. al (2006), lingkungan nilai dan budaya dilahirkan oleh anggota-anggota kumpulan etnik. Ia merupakan satu aspek normatif yang memberi panduan kepada tingkah laku manusia, susunan masyarakat, pentadbiran dan hubungan manusia. Nilai bersama dalam agama ialah seperti penghormatan, kasih sayang, perikemanusiaan, keikhlasan, kerjasama, amanah, kebahagiaan dan keadilan (Cheu Hock Tong 2003). Keupayaan masyarakat Cina Peranakan di negeri Terengganu bertutur baik setanding dengan penutur asli membuka ruang kepada mereka meneroka nilai kehidupan masyarakat Melayu setempat dengan lebih mudah. Mengambil contoh pengalaman informannya yang menyatakan sebagaimana berikut:

“Pada zaman muda kami bergaul bebas dengan penduduk Melayu tempatan baik di sekolah atau di luar bandar. Memang tidak ada berlakunya perasaan prasangka atau permusuhan yang menjejaskan hubungan baik antara penduduk Cina dengan penduduk Melayu tempatan. Malahan hubungan kami begitu rapat sehingga kami rela kongsi makanan” (Tan Yao Sua 2011).

Bertitik tolak daripada perkongsian norma-norma kehidupan melalui akulturasi, hubungan masyarakat Cina dan Melayu di negeri Terengganu berkembang kepada peringkat seterusnya iaitu mengenal nilai agama tanpa dirancang. Hensman (1999) menyatakan hubungan antara agama melalui penglibatan aktiviti bersama mampu memberi kefahaman terhadap agama orang lain. Nyata sekali penglibatan masyarakat Cina dalam aktiviti kehidupan masyarakat Muslim mendedahkan secara tidak sengaja aspek-aspek yang mengandungi unsur keagamaan Islam. Berdasarkan kepada dapatan temu bual, didapati wujud tiga trend masyarakat Cina dalam mengenal agama Islam. Ini dijelaskan sebagaimana berikut:

Menjauhi Aktiviti Keagamaan Masyarakat Lain

Dalam kalangan masyarakat Cina, wujud kelompok cuba mengelak diri dari melibatkan sebarang aktiviti yang mengandungi unsur-unsur keagamaan. Tujuannya ialah untuk mengelakkan sebarang bentuk tafsiran buruk atau salah faham dalam kalangan keluarga atau masyarakat asal terhadap diri. Justeru, bagi mengambil jalan yang selamat responden memilih aktiviti-aktiviti yang dirasakan 'hanya perlu' diikuti. Ini dijelaskan sebagaimana berikut:

Tidak banyak saya melibatkan diri dalam aktiviti Islam memandangkan saya bukan Islam lagi, [pandangan masyarakat itu nampak kita tu lain], cuma aktiviti-aktiviti biasa tuu adalah (Resp # 06 2012).

Mengenal Agama Secara Berhati-Hati

Selain daripada itu, dalam kalangan responden memahami agama Islam sama ada melalui media atau pergaulan dengan rakan Melayu dengan melihat terlebih dahulu suasana di sekeliling. Ertinya, proses ini dilakukan secara berhati-hati bagi mengelakkan pemahaman tentang agama Islam ini tidak diketahui oleh keluarga terdekat. Kelazimannya tentangan atau bantahan yang keras datangnya dari orang yang paling berpengaruh dalam keluarga. Temu bual ini menjelaskan sebagaimana berikut:

Ada jugak tengok saya suka tengok azan, kan azan ada sari kata kadang-kadang baca satu, [kalau abang saya *tak dok* memang saya buka kalau dia ada saya tutup] (Resp # 13 2012).

mak cik biasa tengok cerita Islam, saya memang suka cerita Melayu, ada hal orang *bang* (azan), hal al-Quran [tapi kalau ayah saya ada jangan buka] (Resp # 08 2012).

Saya baca surat khabar, Utusan Malaysia, saya tengok kolum bab agama (selalu baca ruangan agama) sehinggalah menyebabkan abang saya marah..tiap-tiap hari saya beli dan saya baca. [dia kata kamu jangan beli lagi surat khabar ni, kamu kena beli surat khabar bahasa Inggeris] (Resp # 13 2012).

Masa tu tengok jiran-jiran, jiran tetangga tu orang Melayu dok tepi umah kita lepas tu [mok kita tidak bagi gaul] (Resp # 09 2012).

Dalam konteks yang lain responden membayangkan kemungkinan-kemungkinan yang buruk berlaku sekiranya misi mengenal agama lain akan diteruskan. Antaranya responden membayangkan kemungkinan akan dimarahi,

dipukul atau dihalaui oleh keluarga sekiranya meneruskan hasrat tersebut. Ini dijelaskan sebagaimana berikut :

Dok biasa... kalau tidur di rumah kawan Melayu, [*berhambatlah* (berkejaran) saya dengan ayah saya] ayah saya satu kelip mata saya tidak ada di rumah, mak saya lah jadi mangsa... dengan adik beradik lain tidak dengan saya sahaja (Resp # 08 2012).

saya suka tengok azan, kan azan ada sari kata kadang-kadang baca *se se* (satu-persatu), kalau abang saya tak dok memang saya buka kalau dia ada saya tutup, [dia akan marah-marah kat saya] (Resp # 13 2012).

Berkaitan dengan hubungan awal dalam mengenal agama, timbul rasa curiga dalam kalangan keluarga apabila berlaku perubahan tertentu dalam ahli keluarga. Dalam kes Resp # 07, perubahan dari memakai skirt kepada baju kurung menimbulkan persepsi yang negatif keluarga terhadap dirinya. Justeru, ahli keluarga mengambil tindakan yang drastik dengan membawa responden berubat secara tradisional (berjumpa bomoh Siam) bagi menghindari daripada terpengaruh dengan ajaran Islam. Lanjutan daripada pengalaman ini dijelaskan sebagaimana berikut:

Bila peristiwa tu berlaku di rumah nenek saya, saya pun ada perubahan dari segi pakaian apa semua *tu*..saya pakai baju kurung.. saya dok pakai *doh* skirt-skirt.. saya *wak* banyak baju kurung saya banyak suruh orang buat baju kurung. [Lepas *tuu* datuk nenek saya tengok saya ada perubahan dia bawak *gi tok* bomoh] (Resp # 07 2012).

Proses mengenal agama Islam yang berlaku dalam kalangan komuniti Cina memperlihatkan corak dan lukisan yang pro dan kontra. Pengaruh agama Islam yang begitu terserlah dalam budaya masyarakat Melayu menyebabkan masyarakat Cina begitu prihatin terhadap perubahan mana-mana ahli keluarga yang terpengaruh dengan budaya hidup masyarakat Melayu. Kadang kalanya, responden juga berhadapan dengan sikap masyarakat Melayu yang memandang serong terhadap masyarakat Cina bukan Muslim yang ingin mengenal budaya dan agama Islam. Kesannya, hasrat untuk meneroka nilai-nilai agama Islam tidak dapat dijayakan secara sempurna. Ini dijelaskan sebagaimana berikut :-

Saya pernah pergi rumah kawan, saya pergi masa sekolah tingkatan tiga, pergi nak jumpa dia, lepas *tuu* dia ada dalam ..saya masuk dalam rumah dia, mari nenek dia, dia marah saya ..[*mu ni* kotor masuk ke tempat saya sembahyang, kamu ni najis saya pun balik terus nangis-nangis sepanjang jalan balik rumah] rasa hinanya kita. Kemudian saya duduk dalam kelas adalah yang pakai tudung labuh kata, [*eh ong* aku tak boleh sentuh *mu, mu* tak boleh dekat dengan aku, kalau aku sentuh

mu aku kena basuh dengan air lumpur]. Dia terlalu anti dengan Cina (Resp # 07 2012).

Walaupun dapatan temu bual ini diperolehi daripada pengalaman masyarakat Cina yang telah melakukan pemelukan agama Islam, namun jawapan yang diberikan mengisi pembentukan citra dan imej sebenar hubungan antara agama yang berlaku di negeri Terengganu. Dalam proses mengenal agama Islam, sebahagian besar masyarakat Cina di negeri Terengganu berhadapan kekangan dan halangan. Di antara sesama ahli keluarga, misalnya menggunakan kekerasan terhadap ahli keluarga yang terlibat secara langsung dalam aktiviti agama masyarakat Muslim. Mengambil kira fenomena agama Islam yang cukup kuat di sebuah negeri yang mempunyai penduduk melebihi 95 orang Muslim, kebimbangan ini ada asasnya. Justeru, Tan Yao Sua (2011) menyatakan bahawa masyarakat Cina Peranakan di Terengganu mula menghantar anak-anak mereka ke sekolah Cina. Mereka bimbang anak-anak mereka terpengaruh dengan agama Islam atas alasan di sekolah kebangsaan Melayu mereka didedahkan dengan mata pelajaran jawi dan agama Islam. Dengan jumlah umat Islam yang cukup besar di negeri Terengganu, masyarakat Cina melihat agama Islam merupakan identiti yang khusus bagi masyarakat Melayu. Meskipun masyarakat Cina khususnya yang tinggal di perkampungan Melayu berakulturasi dengan baik, namun perbezaan agama merupakan halangan untuk mereka melakukan asimilasi. Menepati dengan kajian yang dilakukan oleh J.Furnivall tentang masyarakat majmuk di Burma, dapat dijelaskan bahawa wujud ciri-ciri etnik 'bergaul tetapi tidak bercantum' *do mix but do not combine* dalam kehidupan sosial masyarakat majmuk di negeri Terengganu (Mujibu 2012). Lantaran itu, Mohd Taib (2003) menjelaskan bahawa tembok yang kukuh penduduk Melayu dengan masyarakat Cina Peranakan ialah agama. Wujud *selectivity* atau pilihan dalam menggunakan budaya orang lain kerana setiap masyarakat hidup dalam sempadan budaya masing-masing.

Berdasarkan kenyataan di atas dapat dijelaskan bahawa perbezaan agama merupakan faktor penghalang utama masyarakat Cina menerima dan menyerap cara hidup masyarakat Melayu sepenuhnya. Demi menjaga leluhur agama yang diwarisi sejak turun temurun, masyarakat Cina begitu peka terhadap perkembangan agama Islam di negeri Terengganu. Justeru, ahli keluarga diingatkan agar berhati-hati dalam mendekati aktiviti masyarakat Muslim yang mengandungi elemen-elemen agama Islam.

Hubungan Tidak Ambil Peduli

Selain daripada itu juga, wujud hubungan mengenal agama masyarakat lain berorientasikan tidak ambil peduli oleh keluarga sendiri. Namun begitu, hubungan yang bersifat tidak ambil peduli tidak banyak ditemui dalam kajian yang dilakukan. Transkrip temu bual berikut mencerminkan corak hubungan yang berlaku. Antaranya dijelaskan sebagaimana berikut:

semasa dekat sekolah kita belajar puasa, kita berpuasa sekalilah sampai waktu berbuka.. [emak pun tak berapa kisah] (Resp # 12 2012).

[saya biasa pergi rumah orang Melayu], kadang-kadang makan nasi pun apabila pergi rumah orang Melayu.. bila dia *ngaji* (membaca al-Quran) tu kadang-kadang saya adalah (Resp # 17 2012).

Wacana naratif di atas yang memaparkan proses memahami agama Islam tanpa halangan yang kuat dari pihak keluarga. 'Ketidakpedulian' keluarga terhadap pergaulan remaja Cina dengan rakan-rakan yang beragama Islam mendedahkan mereka kepada pelbagai bentuk amalan agama masyarakat Muslim. Justeru faktor ini amat berhubung rapat dengan sikap keluarga yang kurang mengambil berat atau terlepas pandang memantau aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh anak. Sehubungan dengan itu, Azizi dan Mohd Sofie (2010) menyatakan bahawa gaya asuhan permisif merujuk kepada ibu bapa yang mesra, bertanggungjawab tetapi lemah dalam mengawal anak-anak. Sikap ketidakpedulian keluarga terhadap aktiviti anak-anak ini disebabkan latar belakang keluarga yang sibuk dan kelaziman anak-anak bergaul dengan masyarakat Melayu. Lantaran itu, adalah wajar penghargaan diberikan kepada keluarga tersebut yang telah membuka ruang kepada ahlinya untuk terlibat dalam dialog kehidupan.

KESIMPULAN

Kebudayaan komuniti Cina di negeri Terengganu bukanlah satu perkara yang muncul begitu sahaja tanpa melalui proses dan pengalaman hubungan antara agama yang panjang. Hubungan awal rantau ini dengan negara China telah menyebabkan proses akulturasi terjadi. Penerimaan budaya hidup masyarakat Melayu telah mengubah rupa dan jiwa budaya masyarakat Cina yang ditonjolkan dalam aspek bahasa, makanan, pakaian dan tempat tinggal. Demikian juga nilai-nilai agama Islam sebagai salah satu bidang perkongsian di dalam masyarakat tersebut melalui proses sosiolisasi yang berlaku secara harian dan spontan. Proses mengenal agama Islam dicapai melalui proses perkongsian kegiatan yang berbagai-bagai dengan melibatkan pelbagai lapisan masyarakat yang berbeza agama kerana faktor tinggal sekampung, pergaulan dan perkongsian pendidikan di sekolah. Terdapat tiga trend hubungan antara agama yang boleh diperhatikan. Pertama, menjauhi aktiviti yang mengandungi unsur keagamaan; kedua, melibatkan diri secara berhati-hati dan ketiga; hubungan yang tidak ambil peduli. Di dalam ketiga-tiga trend itu, penglibatan diri secara berhati-hati merupakan bentuk yang paling banyak dijumpai dalam perkongsian aktiviti masyarakat Cina pra konversi di negeri Terengganu.

RUJUKAN

Azizi Yahaya & Mohd Sofie Bahari. 2010. *Gaya Asuhan Ibu Bapa Remaja Terhadap Tingkah Laku*. Skudai: UTM.

- Abdul Halim Lim Abdul Rahman. 2012. Kompleks ini berfungsi memberi kesedaran dan latihan hal ehwal agama Islam kepada saudara baru termasuk masyarakat Cina Terengganu yang memeluk Islam, Pejabat Maidam Kompleks Darul Hidayah. Temu bual 26 Mac.
- Bahagian Dakwah, Pejabat Agama Negeri Terengganu. 2012.
- Cheong Meng Ngai. 1991. Sejarah Kedatangan Dan Penempatan Orang Cina di Kuala Terengganu (1800-1940). Latihan Ilmiah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Cheu Hock Tong. 2003. Peranan Nilai-Nilai Agama Dalam Integrasi: Asas Dan Strategi. Dlm. Shamsul Amri et.al (pnyt.). *Membina Bangsa Malaysia Jilid 3*. Hlm. 135-147. Jabatan Perpaduan Negara & UKM: Bangi.
- Hensman, J. Mark. 1999. The Dialogue of Life as the Locus of Non-verbal Interreligious Dialogue dalam *East Asian Pastoral Review 1999, Volume 36 (1999) No. 3*. <http://eapi.admu.edu.ph/content/dialogue-life-locus-non-verbal-interreligious-dialogue>. Dicapai pada (12 Okt 2012).
- Hou, K.C. 2002. Malaysian Chinese Identity, Culture and Ethnic Conflict. Centre For Malaysian Chinese Study: Kuala Lumpur.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. Bancian Penduduk 2010.
- Joo Ee Khoo. 1996. *The Straits Chinese: A Cultural Chinese*. Amsterdam: Pepin Press.
- Khadijah Mohd Khambali & Suraya Sintang. 2010. Peranan Sekolah Agama Dalam Jalanan Dialog Kehidupan Ummah di Malaysia. Dlm. Mustaffa Abdullah & Faisal Ahmad Shah (pnyt.). *Kemelut Peradaban Remaja di Malaysia*, hlm. 194-208. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Khoo, K.K. 2010. The Penang Baba / Peranakan Chinese Community. In *Penang Peranakan and Chinese Muslim: An Historical and Cultural Journey*, ed. Sohaimi Abd Aziz. Persatuan Karyawan Pulau Pinang: Pulau Pinang.
- Laporan Bancian Penduduk Malaysia. 2000.
- Lee Yok Fee. 2009. Kajian Tentang Identiti Orang Cina di Malaysia dari Segi Epistemologi: Ulasan. *Sari (27)*: 167-183.
- Lee Yok Fee. 2011. Identiti Harian Dalam Subjektiviti Cina Malaysia dalam *Jurnal Terjemahan Alam & Tamadun Melayu 2(2)*: 68-87.

- Mansor Mohd Noor et al. 2006. Hubungan Etnik di Malaysia. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Mohamed Yusoff Ismail. 1993. Two faces of Buddhism: Chinese Participation in Thai Theravada Temples in Kelantan. Dlm. Cheu Hock Tong (pnyt.). *Chinese Beliefs and Practises in South East Asia*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Mohd Taib Osman. 2003. Integrasi dan Asimilasi Membina Bangsa Malaysia. Dlm. Shamsul Amri et al. (pnyt.). *Membina Bangsa Malaysia Jilid 3*, hlm 414-424. Jabatan Perpaduan Negara & UKM: Bangi.
- Mohd Sufri Jaafar. 2012. PERKIM Terengganu merupakan salah satu badan NGO dakwah yang berperanan menjaga kebajikan dan dakwah kepada saudara baru, Pejabat PERKIM Terengganu. Temu bual 12 April.
- Muhammad Yusoff Hashim. 1991. *Terengganu Darul Iman, Tradisi Persejaraan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mujibu Abd Muis. 2012. Menangani Kerencaman Kaum dalam Proses Bina Bangsa: Cabaran dan Pengalaman Malaysia. *Jurnal Sosiohumanika*, 5(2): 239-252.
- Nor A'thirah. 2007. *Memahami Psikologi Saudara Baru*. Bangi: UKM
- Shamsul Amri Baharuddin. 2011. *Hubungan Etnik*. Shah Alam: UPENA UiTM
- Stephen Chan Mung Koon. 2013. _____, St Andrew's Church, No. 79-E, 1 st Floor, KualaTerengganu. Temu bual 20 Mac.
- Tan Chee Beng. 2002. *Chinese Minority in a Malay State. The Case of Terengganu in Malaysia*. Singapore: Eastern Universities Press.
- Tan Chee Beng. 1993. *Chinese Peranakan Heritage in Malaysia and Singapore*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Tan Yao Sua. 2011. Akulturasi Peranakan Cina di Tirok, Terengganu dalam *Jurnal Terjemahan Alam & Tamadun Melayu 2 (2):151-162*.
- Tantri Kusuma Wardhani. 2012. *Akulturasi Mahasiswa Pribumi Di Kampus Mayoritas Tionghoa*. Universitas Gunadarma: Bogor.
- Wong Choon Kheng. 2013. _____, Komplek Persatuan Buddha Terengganu Kuala Terengganu. Temu bual 23 Mac.
- Yunus Ma Abdullah Zheng. 2001. Persepsi Orang Cina di Kuala Terengganu Terhadap Agama Islam. Tesis Master, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.